

MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS ASAS JURU SENSOR SENJATA TAKTIKAL MARITIM (KJSS-TM) 05/18, KURSUS ASAS KUARTERMMASTER UDARA SIRI 13/18 DAN KURSUS ASAS PRAMUGARI SIRI 05/18

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3008-majlis-pembukaan-kursus-asas-juru-sensor-senjata-taktikal-maritim-kjss-tm-05-18-kursus-asas-kuartermaster-udara-siri-13-18-dan-kursus-asas-pramugari-siri-05-18

KUCHING, 7 Feb 18 – Majlis Pembukaan Kursus Asas Juru Sensor Senjata-Taktikal Maritim (KJSS-TM) 05/18, Kursus Asas Kuartermaster Udara Siri 13/18 dan Kursus Asas Pramugari Siri 05/18 telah disempurnakan oleh Panglima Wilayah Udara 2, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Shabre bin Hj Hussein TUDM. Majlis yang berlangsung di Auditorium No 1 Skn turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah Skn, Eksekutif Pangkalan, pegawai-pegawai dan anggota.

KJSS-TM Siri 05/18 terdiri daripada 4 orang pelatih iaitu 3 orang pegawai TUDM dan satu orang pegawai TLDM. Kursus Asas Kuartermaster Udara Siri 13/18 terdiri daripada 9 orang pelatih anggota LLP TUDM manakala Kursus Asas Pramugari Siri 05/18 pula terdiri daripada 4 orang pelatih anggota LLP wanita TUDM. Kursus-kursus ini akan melahirkan generasi aircrew atau anakapal yang bakal menjadi nadi bagi operasi dan siap siaga TUDM dan TLDM pada masa akan datang.



